

UBAT-UBAT UNTUK PENYAKIT ALZHEIMER



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



MENGENAL ubat anda

Ubat-ubat dalam kelas yang biasanya digunakan dalam rawatan penyakit Alzheimer dikenali sebagai penghalang-penghalang kolinesterase. Mereka direkabentuk untuk mencegah pemecahan asetilkolin, suatu bahan kimia penghantar utusan di dalam otak yang penting untuk ingatan dan fungsi-fungsi pemikiran lain. Ubat ini bertindak dengan mengekalkan paras bahan-bahan kimia ini dalam paras yang tinggi, walaupun sel-sel yang menghasilkan bahan tersebut terus menjadi rosak atau mati. Mereka bertindak dengan paling berkesan untuk orang yang menghadapi penyakit yang ringan atau sederhana.

Ubat-ubat dalam kelas ini termasuk:

- Donepezil
- Rivastigmine
- Galantamine

BAGAIMANAKAH untuk saya mengambil ubat ini?

Donepezil

Donepezil biasanya diambil satu kali sehari pada waktu malam sebaik sahaja sebelum tidur.

Rivastigmine & Galatamine

Ambil ubat-ubat ini dengan betul-betul seperti yang dipreskripsikan oleh doktor anda. Dos mungkin berbeza untuk pesakit-pesakit yang berlainan. Ubat ini biasanya diambil dengan makanan.

Ubat-ubat ini mesti tetap diambil tiap-tiap hari untuk jangka masa yang tertentu untuk keberkesannya. Ini adalah biasa untuk doktor anda memulakan anda dengan dos rendah dan meningkatkan dos dengan beransur-ansur seperti yang diperlukan.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Mual, muntah, kesakitan perut, kehilangan selera makan dan peningkatan kekerapan membuang air besar boleh dijangka dengan pengambilan ubat-ubat ini. Kesan-kesan sampingan lain termasuk kesakitan kepala, kepeningan, keletihan, rasa hendak sakit dan kegelisahan. Sesetengah pesakit mungkin menunjukkan peningkatan keresahan pada permulaan rawatan tapi ini sepatutnya reda selepas beberapa minggu pertama rawatan.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Ubat-ubat ini mungkin menyebabkan rasa mengantuk. Jangan memandu atau mengendalikan mesin.

Jangan mengambil ubat-ubat lain kecuali anda telah memberitahu doktor atau ahli farmasi anda terutamanya ubat-ubat seperti ubat-ubat sakit seperti aspirin atau ibuprofen serta ubat-ubat untuk batuk dan demam.

Beritahu doktor anda sebarang mual, muntah, cirit-birit, sakit perut atau kehilangan selera makan.

Ini adalah sangat penting untuk anda menjumpai doktor anda pada masa yang tetap dan laporkan kemerosotan keadaan anda atau sekiranya anda memerhatikan terdapatnya simptom-simptom baru.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.